

RM3,000 menanti juara

► Pertandingan **Battle Of The Gyms**

sempena Tamu Gadang UMSKAL 2016

UB 15.10.2016 A15

LABUAN: Hadiah wang tunai sebanyak RM3,000 menanti juara pertandingan **Battle Of The Gyms** sempena program Tamu Gadang Universiti Malaysia Sabah, Kampus Antarabangsa Labuan (UMSKAL) 2016 pada 19-20 November depan.

Menurut pengerusi penganjur Gabriel Moinjil (gambar), naib juara akan menerima RM1,500, ketiga RM700 dan keempat RM400.

Katanya, pertandingan itu yang akan diadakan dari jam 8 pagi hingga petang menawarkan satu kategori sahaja iaitu berpasukan dengan 5 pemain dan seorang simpanan.

Gabriel yang juga Pegawai Belia dan Sukan Kanan UMSKAL berkata,



GABRIEL

pendaftaran biasa sebanyak RM500 dikenakan bagi satu pasukan sehingga 21 Oktober ini.

“Manakala yuran pendaftaran sebanyak RM700

akan dikenakan kepada pasukan yang membayar pada 22 Oktober hingga 11 November 2016,”katanya.

Oleh itu, beliau bagi pihak Pengarah UMSKAL Prof Madya Dr Murnizam Haji Halik mengalu-alukan penyertaan pasukan dari Sabah, Sarawak, Semenanjung dan Brunei untuk menyertai pertandingan berkenaan.

Malah, Gabriel juga berharap lebih banyak pasukan dari luar negara menyertai **Battle Of The Gyms** bagi menarik kehadiran penonton dan peminat di UMS Labuan.

Mereka yang berminat boleh menghubungi Gabriel di talian 0168109724 atau Jasri Japar 0128345500.

Program Tamu Gadang UMS Labuan 2016 akan berlangsung pada 18-20

November 2016 sempena Majlis Konvokesyen UMS Ke-18.

Pelbagai acara akan diadakan seperti Futsal Lelaki Terbuka, Bola Tampar Lelaki, Tarik Tali, Kal-Cutey Catz Competition, Cyber Game Challenge, UMS Labuan International Folk Dance and Muzic Festival, Graduate Run, UMSKAL Kids Got Talent, Memancing Pesisir Pantai, UMS Labuan Cooking Battle dan Restaurant Cooking Battle.

Turut diadakan Forum Perdana dan Simposium Rawatan Perubatan Tradisional, gerai jualan, pameran big bike serta persembahan artis tanah air.

Untuk keterangan lanjut boleh melayari laman web www.kal.ums.edu.my/tamugadang.



PEMAIN dart VIP dari kiri Rosnani, Azhar, Suali, Zamri dan Pg Ishak turut bermain program itu.